
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HSM 503 – SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja. SATU soalan daripada setiap bahagian A, B dan C.

Bahagian A

1. “Dunia Melayu mempunyai momentum tersendiri. Orang luar tidak hanya datang dan ”memaksa” perubahan berlaku di rantau ini malah terpaksa juga menyesuaikan diri dengan rentak sosioekonomi rantau ini sekurang-kurangnya sehingga awal abad ke-18”. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
2. Anthony Reid melihat abad ke-18 sebagai zaman transisi yang secara beransur-ansur memusnahkan kepentingan pelabuhan entreport di Asia Tenggara sebagai pusat tumpuan kehidupan ekonomi, politik dan budaya di rantau ini.

Dengan merujuk kepada perkembangan dalam kesultanan Johor dalam tempoh tersebut, sejauh manakah penzamanan ini dapat diterima?

Bahagian B

3. “Perubahan persekitaran hidup secara fizikal dan perubahan dalam jumlah serta komposisi penduduk atau kaum akibat tekanan-tekanan dari luar merupakan antara faktor penting dalam mendorong wujudnya mitos pribumi malas di Tanah Melayu”. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas?
4. Sejauh manakah pertembungan budaya Melayu dan Inggeris zaman Victoria dapat membantu menjelaskan perubahan sistem sosiobudaya, sosioekonomi dan lingkungan ekologi Alam Melayu yang berlaku di Sarawak semasa pemerintahan keluarga Brooke?

Bahagian C

5. “Objektif utama rancangan-rancangan ekonomi di Malaysia sejak kemerdekaan adalah pengagihan kekayaan negara antara semua kaum dalam nisbah yang adil.” Bincangkan.
6. Bincangkan sejauh manakah Laporan Razak berjaya memenuhi aspirasi pelbagai kaum di negara ini dalam soal pendidikan.